

24/03/1997

Umat Islam jangan mudah jatuh hukum

KUALA LUMPUR, Ahad - Kalangan umat Islam perlu membuang tanggapan bahawa mereka lebih Islam berbanding orang lain sebaliknya mereka wajib bekerja keras untuk meningkatkan prestasi diri masing-masing.

Ketua Pengarah Jabatan Agama Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin, berkata sikap mudah menjatuhkan hukuman boleh melemahkan umat Islam sekali gus memperkecilkan Islam.

Menurutnya, Pusat Islam melihat kecenderungan itu semakin berleluasa dan ia perlu dibanteras bagi mengelak salah faham masyarakat bukan Islam.

"Program Pusat Islam selalu memberi tumpuan kepada usaha mengikis sikap rasa lebih Islamik berbanding orang lain kerana apa yang kita lakukan hanyalah secebis penghayatan Islam.

"Setiap muslim perlu berusaha keras menjadi terbaik untuk memperlihatkan Islam adalah terbaik," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Abdul Hamid berkata demikian sebagai mengulas nasihat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika berucap menerima Anugerah Antarabangsa Raja Faisal 1997 di Riyadh, malam semalam.

Dr Mahathir menasihatkan masyarakat Islam supaya jangan terlalu mudah menjatuhkan hukuman dan bertindak terhadap saudara seagama sehingga melemahkan ummah serta memaksa mereka bergantung kepada bukan Islam.

Sebaliknya, kata Dr Mahathir, umat Islam harus percaya bahawa setiap apa yang dilakukan adalah untuk memberi sumbangan sejajar dengan kehendak dan tuntutan Islam.

(END)